

# Lebih ramai individu 'keluar' dari senarai muflis

30 May 2014

NORHAIZA HASHIM

JUMLAH individu yang berjaya keluar daripada kemuflian meningkat 86.8 peratus bagi suku pertama tahun ini, menurut satu perangkaan Pejabat Muflis dan Pemegang Amanah Awam (Ipto).

Seramai 327 individu keluar daripada masalah bankrap bagi suku Januari hingga Mac ini, berbanding 141 individu bagi tiga bulan pertama tahun lalu.

Jumlah arahan bankrap susut 18.8 peratus kepada 394 arahan bagi tiga bulan pertama tahun ini, berbanding 485 arahan bagi tempoh sama tahun lalu.

Para pengamat yang dihubungi berkata perangkaan itu bertambah baik disebabkan syarat baru yang diperkenalkan pemerintah bagi membantu mengeluarkan mereka daripada kemuflian serta pasaran buruh yang lebih baik.

Mengulas perangkaan itu, seorang perunding cara kewangan yang sering memberikan nasihat kepada individu yang muflis, Encik Leong Sze Hian, berkata syarat baru membantu mengurangkan jumlah kemuflian.

"Individu yang mempunyai hutang kurang \$500,000 boleh dikeluarkan daripada kemuflian selepas tiga tahun jika Pemegang Amanah Awam (OA) membenarkannya dan individu yang berhutang menunjukkan komitmen mahu membayar hutangnya secara tetap kepada kreditor.

"Jadi, jika individu yang bankrap itu bekerjasama dan mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan, beliau boleh dikeluarkan daripada kemuflian walaupun masih ada baki hutang yang belum dibayar," kata Encik Leong ketika dihubungi semalam.

Penasihat Pusat Penasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Sani Hamid, menjangkakan mereka yang keluar daripada senarai bankrap itu merupakan mereka yang terjerumus dalam kancah kemuflian sekitar lima tahun lalu semasa berlakunya krisis kewangan.

"Setelah lima tahun, mereka dapat membayar hutang mereka sedikit demi sedikit kepada kreditor dan mungkin dikeluarkan daripada kemuflian oleh OA," jelas beliau, yang juga pengarah Pengurusan Kekayaan Financial Alliance.

DAC, yang dibentuk pada April tahun lalu, telah menerima 580 kes dalam tahun pertama.

Menurut Encik Sani, individu yang mendapatkan bantuan mereka berusia antara 30 dengan 49 tahun, sudah berumah tangga dan mempunyai anak.

Purata jumlah hutang mereka ialah \$29,000.

Perangkaan Kementerian Tenaga Manusia (MOM) menunjukkan 2,900 pekerja diberhentikan sepanjang Januari hingga Mac, lebih rendah daripada 3,660 pekerja yang diberhentikan pada suku keempat dari Oktober hingga Disember tahun lalu.